

## **PERLEMBAGAAN BAGI**

### **PERTUBUHAN INDUK**

#### **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI PUTRAJAYA**

#### **FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

#### **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI PUTRAJAYA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

#### **FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

#### **BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62692 PUTRAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

#### **BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62692 PUTRAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

#### **FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

## TUJUAN

3.1 Kelab ini ditubuhkan bagi tujuan-tujuan berikut :-

3.1.1. Memberi Kemudahan bersukan, kegiatan kebudayaan dan kebajikan kepada semua ahli.

3.1.2. Mengeratkan persahabatan dan perhubungan di antara ahli-ahli dari pelbagai Jabatan di Bahagian Ini.

3.1.3. Membolehkan kelab ini bergabung dengan badan-badan sukan yang lain.

## FASAL 4 KEAHLIAN

### 4. KEAHLIAN

#### 4.1 Jenis Keahlian

4.1.1. Keahlian Kelab adalah seperti berikut :-

##### 4.1.1.1 Ahli Biasa

i) Keahlian biasa Kelab terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Jabatan-Jabatan di bawahnya di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur.

##### 4.1.1.2 Ahli Seumur Hidup

i) Jawatankuasa Tadbir boleh mempelawa seseorang ahli biasa yang boleh memberikan kemanfaatan kepada Kelab sebagai Ahli Seumur Hidup dengan bayaran RM100.00 sekali gus. Ahli Seumur Hidup tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam kelab dan tidak boleh mengundi.

##### 4.1.1.3 Ahli Bersekutu

i) Seseorang yang pernah menjadi ahli biasa yang telah bertukar/bersara boleh dengan persetujuan Jawatankuasa Tadbir Kelab menjadi Ahli Bersekutu. Ahli Bersekutu tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam kelab dan tidak boleh mengundi.

##### 4.1.1.4 Ahli Gabungan

i) Ahli Gabungan adalah terbuka kepada semua Kelab Sukan dan Kebajikan di pelbagai Jabatan di Bahagian Hal Ehwal Undang- Undang di luar dari Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Ahli Gabungan berhak melantik wakilnya untuk menghadiri Mesyuarat Agung dan berhak mengundi atau memegang jawatan dalam kelab ini.

#### 4.2. Peraturan Menjadi Ahli

4.2.1. Semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Jabatan- Jabatan di bawahnya di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur boleh menjadi ahli kelab dengan menggunakan borang-borang permohonan yang ditentukan oleh Kelab.

4.2.2. Semua kelab sukan dan kebajikan di Jabatan-Jabatan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di luar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur yang ingin menjadi Ahli Gabungan boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Pengerusi Kelab.

4.2.3. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli biasa atau gabungan hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir.

#### 4.3. Bayaran Pendaftaran Keahlian dan Yuran Bulanan

4.3.1. Bayaran Pendaftaran Keahlian dikenakan sekali sahaja bagi setiap ahli baru adalah sebanyak RM3.00 (Tiga Ringgit Sahaja).

4.3.2. Selain dari itu, semua ahli biasa dikenakan yuran bulanan berdasarkan kepada kadar seperti berikut :-

i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Jusa C dan ke atas - RM15.00 (Lima Belas Ringgit Sahaja).

ii) Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Gred 41 hingga 54 - RM10.00 (Sepuluh Ringgit Sahaja)

iii) Kumpulan Pelaksana

Gred 22 hingga 40 - RM5.00 (Lima Ringgit Sahaja)

iv) Kumpulan Pelaksana

Gred 1 hingga 21 - RM3.00 (Tiga Ringgit Sahaja)

4.3.3. Yuran bulanan bagi Ahli Bersekutu adalah seperti di para 4.3.2.

4.3.4. Ahli Gabungan dikecualikan dari membayar bayaran masuk menjadi ahli atau yuran bulanan tetapi dikenakan bayaran tahunan sebanyak RM50.00.

4.3.5. Bayaran pendaftaran dan yuran bulanan bagi ahli biasa hendaklah dijelaskan secara tunai atau boleh ditolak melalui potongan gaji bulanan jika dipersetujui oleh ahli.

## FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

### 5.1 Pelucutan Keahlian

5.1.1. Keahlian seseorang ahli boleh dilucutkan oleh Jawatankuasa Tadbir jika ahli berkenaan melanggar mana-mana peruntukan perlembagaan atau peraturan kelab

5.1.2. Seseorang ahli yang telah dilucut keahliannya boleh diterima semula menjadi ahli dengan persetujuan Jawatankuasa Tadbir setelah rayuan bertulis dikemukakan kepada Jawatankuasa Tadbir.

## **FASAL 6 SUMBER KEWANGAN**

### **6.1 Pentadbiran Kewangan**

6.1.1. Punca Kewangan Kelab ini adalah dari punca-punca seperti berikut :-

- a) Bayaran pendaftaran menjadi ahli ;
- b) Yuran bulanan menjadi ahli;
- c) Derma dan tajaan yang sah dari segi Undang-undang dari mana- mana pihak sama ada persendirian ataupun badan tertentu dengan kebenaran dari pihak-pihak berkuasa berkenaan;
- d) Hasil perniagaan kelab; dan
- e) Sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

6.1.2. Semua wang yang diterima dari punca-punca seperti 5.2.1. di atas hendaklah disimpan di dalam bank di atas nama kelab selewat-lewatnya tujuh hari selepas wang tersebut diterima. Semua wang kelab hendaklah digunakan untuk mencapai objektif kelab.

6.1.3. Tahun Kewangan kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tahun yang sama.

6.1.4. Pengeluaran wang melalui cek hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan Pengerusi atau Setiausaha.

6.1.5. Semua perbelanjaan tidak melebihi RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit sahaja) boleh diluluskan oleh Pengerusi Kelab. Bagi perbelanjaan yang melebihi RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit sahaja) sehingga RM30,000.00 (Tiga Puluh Ribu Ringgit Sahaja) hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tadbir Kelab. Bagi perbelanjaan yang melebihi RM30,000.00 (Tiga Puluh Ribu ringgit sahaja) pada suatu masa hendaklah mendapat kelulusan mesyuarat agung terlebih dahulu.

6.1.6. Resit-resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada ahli apabila mereka menjelaskan bayaran pendaftaran menjadi ahli atau yuran bulanan atau apabila derma diterima dari mana-mana pihak. Resit-resit bagi maksud di atas hendaklah dikeluarkan kepada ahli dalam tempoh tujuh hari dari tempoh penyerahan wang. Ahli-ahli yang tidak menerima resit rasmi mereka selepas tujuh hari dari tarikh penyerahan wang bolehlah membuat aduan kepada Bendahari.

## **FASAL 7 MESYUARAT AGUNG**

### **7.1. Mesyuarat Agung Tahunan**

7.1.1. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tiap-tiap tahun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tadbir tetapi tidak lewat daripada bulan April.

7.1.2. Sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah ahli biasa atau dua kali jumlah ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir ikut mana yang terendah boleh dikira mencukupi korum untuk memulakan mesyuarat. Jika korum tidak mencukupi selepas 30 minit daripada waktu yang ditetapkan, maka mesyuarat tersebut hendaklah ditangguhkan pada tarikh baru dalam tempoh 30 hari dari tarikh asal.

7.1.3. Sekiranya korum masih tidak mencukupi selepas 30 minit daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli yang hadir bolehlah meneruskan mesyuarat tetapi tidak boleh meminda undang-undang kelab.

## 7.2. Mesyuarat Agung Luar Biasa

7.2.1. Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh diadakan dalam keadaan berikut :-

- a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Tadbir.; atau
- b) Atas permintaan ahli-ahli secara bertulis tidak kurang satu perempat dari jumlah ahli biasa, dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.

7.2.2. Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan permohonan mengadakan mesyuarat.

7.2.3. Pengumuman dan Agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa itu hendaklah diedarkan kepada semua ahli oleh setiausaha sekurang-kurangnya lima belas (15) hari sebelum sesuatu tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

7.2.4. Kaedah korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas tiga puluh minit dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan. Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh yang dibatalkan.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

### 8. PENTADBIRAN KELAB

#### 8.1. Pentadbiran Am

8.1.1. Pentadbiran Kelab hendaklah diuruskan oleh satu Jawatankuasa Tadbir.

##### 8.1.1.1. Keanggotaan

i) Keanggotaan Jawatankuasa Tadbir Kelab adalah seperti berikut :-

- a) Seorang Pengerusi
- b) Seorang Timbalan Pengerusi
- c) Dua Orang Naib Pengerusi
- d) Seorang Setiausaha
- e) Seorang Penolong Setiausaha

- f) Seorang Bendahari
  - g) 6 orang Ahli Jawatankuasa Tadbir Biasa yang dipilih semasa mesyuarat agong
  - h) Tidak lebih daripada 5 orang Ahli Jawatankuasa Tadbir Biasa yang dilantik
- ii) Semua Ahli Jawatankuasa Kelab yang akan dilantik hendaklah warganegara Malaysia. Ahli Jawatankuasa Tadbir kecuali Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Penolong Setiausaha hendaklah dicadang, disokong dan dipilih dengan cara mengundi 2 (dua) tahun sekali oleh ahli-ahli melalui Mesyuarat Agung Tahunan Kelab.
- iii) Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang secara automatik akan menjadi Pengerusi Kelab. Seandainya beliau tidak bersetuju atau tidak dapat menjadi Pengerusi Kelab, maka secara automatik Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (mengikut kekananan) dilantik sebagai Pengerusi.
- iv) Setiausaha dan Bendahari akan dilantik oleh Pengerusi semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Kelab. Penolong Setiausaha dilantik daripada kalangan lima (5) Ahli Jawatankuasa Tadbir Biasa yang dipilih oleh Setiausaha.
- v) Jawatankuasa Tadbir boleh melantik tidak lebih dari 5 (lima) orang Ahli Jawatankuasa Tadbir Biasa.
- vi) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Tadbir Biasa yang dipilih semasa mesyuarat agong telah meletak jawatan, bertukar, bersara atau meninggal dunia, calon yang kedua mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka Jawatankuasa Tadbir boleh melantik mana-mana ahli biasa kelab untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

## 8.2. MESYUARAT KELAB

8.2.1 Mesyuarat Kelab ini adalah seperti berikut:-

8.2.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir

8.2.1.2 Mesyuarat Agung Tahunan

8.2.1.3 Mesyuarat Agung Luar Biasa

8.2.2. Syarat dan tatacara mesyuarat adalah seperti berikut:-

8.2.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir diadakan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Notis mesyuarat hendaklah diedarkan kepada Ahli Jawatankuasa dalam tempoh 7 hari sebelum mesyuarat. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa jika perlu.

8.2.2.2 Korum mesyuarat jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang 1/3 daripada bilangan ahli jawatankuasa.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

### 9.1 Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir

9.1.1 Jawatankuasa Tadbir adalah bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbirkan perjalanan kelab. Jawatankuasa ini juga boleh menubuhkan jawatankuasa –jawatankuasa kecil / biro jika difikirkan perlu dan memberi tanggungjawab kepadanya.

a) Pengerusi

Pengerusi hendaklah:-

- i) Jika hadir, mempengerusikan semua mesyuarat;
- ii) Menandatangani segala butir-butir mesyuarat yang berkaitan dengan kelab;
- iii) Menjadi wakil Kelab ini bila berurusan dengan pihak luar:-
- iv) Merangka Perjalanan dan kegiatan Kelab; dan
- v) Mempunyai kuasa pemutus dalam mesyuarat.

b) Timbalan Pengerusi

- i) Semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah mengambilalih tugas-tugas Pengerusi.

c) Naib Pengerusi

- i) Dua orang Naib Pengerusi bertanggungjawab membantu Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dalam merangka perjalanan dan kegiatan kelab.
- ii) Menyelia jawatankuasa kecil / biro yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

d) Setiausaha

Setiausaha hendaklah:-

- i) Mendaftar, menyimpan daftar ahli dan mengemaskinikannya.
- ii) Menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat serta menyimpan minit-minit mesyuarat dengan baik dan selamat;
- iii) Menyedia dan membentangkan Penyata Tahunan mengenai kegiatan persatuan ke Mesyuarat Tadbir sebelum di bawa ke Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
- iv) Bertanggungjawab untuk memanggil semua mesyuarat.
- v) Dan membantu Pengerusi dalam membuat keputusan berhubung dengan perjalanan kelab.

e) Penolong Setiausaha

- i) Membantu Setiausaha Kelab di dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran Kelab.

f) Bendahari

Bendahari hendaklah :-

- i) Memungut yuran Kelab dan mengeluarkan resit rasmi bagi semua wang yang diterima;
- ii) Menyimpan satu kira-kira kewangan dan menyimpan wang diterima ke dalam bank atas nama Kelab, Walau bagaimanapun Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit kelab sebanyak RM500.00 (Lima Ratus ringgit sahaja) dalam tangan pada sesuatu masa bagi kegunaan kelab;
- iii) Menyediakan dan Membentangkan Penyata Kewangan Bulanan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir
- iv) Menyediakan dan Membentangkan Penyata Kewangan Tahunan untuk disahkan

oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir dan seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa; dan

v) Menyimpan semua resit dan Penyata pembelian barang terhadap semua penggunaan wang kelab yang dilakukan dan resit-resit serta penyata pembelian barang tersebut hendaklah disahkan olehnya dan Pengerusi atau Setiausaha.

## FASAL 10 **KEWANGAN**

### 10.1 Pentadbiran Kewangan

10.1.1. Punca Kewangan Kelab ini adalah dari punca-punca seperti berikut :-

a) Bayaran pendaftaran menjadi ahli ;

b) Yuran bulanan menjadi ahli;

c) Derma dan tajaan yang sah dari segi Undang-undang dari mana- mana pihak sama ada persendirian ataupun badan tertentu dengan kebenaran dari pihak-pihak berkuasa berkenaan;

d) Hasil perniagaan kelab; dan

e) Sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

10.1.2. Semua wang yang diterima dari punca-punca seperti 5.2.1. di atas hendaklah disimpan di dalam bank di atas nama kelab selewat-lewatnya tujuh hari selepas wang tersebut diterima. Semua wang kelab hendaklah digunakan untuk mencapai objektif kelab.

10.1.3. Tahun Kewangan kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tahun yang sama.

10.1.4. Pengeluaran wang melalui cek hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan Pengerusi atau Setiausaha.

10.1.5. Semua perbelanjaan tidak melebihi RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit sahaja) boleh diluluskan oleh Pengerusi Kelab. Bagi perbelanjaan yang melebihi RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit sahaja) sehingga RM30,000.00 (Tiga Puluh Ribu Ringgit Sahaja) hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tadbir Kelab. Bagi perbelanjaan yang melebihi RM30,000.00 (Tiga Puluh Ribu ringgit sahaja) pada suatu masa hendaklah mendapat kelulusan mesyuarat agung terlebih dahulu.

10.1.6. Resit-resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada ahli apabila mereka menjelaskan bayaran pendaftaran menjadi ahli atau yuran bulanan atau apabila derma diterima dari mana-mana pihak. Resit-resit bagi maksud di atas hendaklah dikeluarkan kepada ahli dalam tempoh tujuh hari dari tempoh penyerahan wang. Ahli-ahli yang tidak menerima resit rasmi mereka selepas tujuh hari dari tarikh penyerahan wang bolehlah membuat aduan kepada Bendahari.

## FASAL 11 **JURUAUDIT**

### 11.1 Pemeriksa Kira-Kira



11.1.1. Dua orang pemeriksa kira-kira yang tidak memegang jawatan dalam Jawatankuasa Tadbir hendaklah dipilih melalui mesyuarat agung tahunan setiap 2 tahun bagi menyemak, memeriksa dan mengesahkan kira-kira kewangan kelab dan hal-hal yang berkaitan.

11.1.2. Sekiranya terdapat kekosongan jawatan disebabkan perletakan jawatan, pertukaran, bersara atau kematian, Jawatankuasa Tadbir bolehlah melantik calon yang ketiga mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu bagi mengisi kekosongan tersebut. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka Jawatankuasa Tadbir boleh melantik mana-mana ahli biasa kelab untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

## **FASAL 12 PENTADBIR HARTA**

tiada

## **FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

### **13 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

13.1 Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, Jawatankuasa Tadbir boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa Tadbir, jika mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak jelas di dalam undang-undang ini.

## **FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG**

### **14. Penaung**

14.1. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang boleh dijemput menjadi penaung kelab ini secara bertulis.

## **FASAL 15 LARANGAN**

### **15. LARANGAN**

15.1 Ahli Kelab dan kelab ini adalah ditegah dari menjalankan atau melakukan perkara-perkara seperti berikut:-

15.1.1 Menghisap sebarang jenis rokok dan dadah di dalam rumah kelab.

15.1.2 Membawa masuk perempuan-perempuan lucah dan orang-orang jahat ke dalam rumah kelab.

15.1.3 Mengadakan kegiatan yang berunsurkan lucah, ganas, memeras dan sebagainya yang menyalahi undang-undang negara.

15.1.4 Mencuba menghalang dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.

15.1.5 Menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Kelab atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa Tadbir atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

15.1.6 Memberi atau membayar "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 kepada mana-mana ahli kelab.

15.1.7 Menganjur atau membenarkan sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang dimainkan di rumah kelab.

15.1.8 Bergabung atau mengadakan hubungan dengan apa-apa jua kegiatan politik atau mana-mana parti politik atau menggunakan nama kelab dalam apa jua isu-isu politik.

## **FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

### **16.1 Kuasa Pembuat Undang-Undang Kelab**

16.1.1. Undang-Undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh hari (60) dari tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan pindaan itu dan hanya boleh kuatkuasakan mulai dari tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 17 PEMBUBARAN**

### **17 PEMBUBARAN KELAB**

17.1 Kelab ini tidak boleh dibubarkan melainkan dipersetujui tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) jumlah ahli biasa yang berhak mengundi dalam satu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.

17.2 Kenyataan Pembubaran kelab ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Kelab dan semua ahli Jawatankuasa Tadbir dan seterusnya dikehendaki mengemukakan kepada pihak Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh Kelab dibubarkan.

17.3 Sekiranya Kelab hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka

segala hutang dan tanggungan Kelab yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung yang berkenaan.

## FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

### 1. Bendera

-

Keterangan

-

### 2. Lambang



Keterangan

18 LOGO KELAB

18.1 Logo berbentuk payung atau bumbung membawa makna memberi perlindungan dan mengambil berat kebajikan bagi ahli-ahli kelab. Gabungan tiga (3) warna menunjukkan tiga (3) bangsa terbesar iaitu Melayu, Cina dan India.

### 3. Lencana

-

Keterangan

-

## FASAL 19 TATATERTIB KELAB

### 19. TATATERTIB AHLI KELAB

19.1 Semua ahli adalah dikehendaki:-

19.1.1. Menjaga dan menghormati nama baik kelab dan tatatertib kelab

19.1.2. Menjelaskan yuran bulanan pada tarikh seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tadbir.